

## **Bank Draft / Pindahan Telegraf Luar Negara**

**Soalan 1 : Apakah yang dimaksudkan dengan bayaran secara pindahan telegraf / Bank Draft?**

Jawapan :

Pindahan Telegraf merupakan pembayaran antarabangsa yang melibatkan pembayaran kepada penerima di luar negara melalui bank tempatan sebagai perantara. Contohnya bayaran Yuran Persidangan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa ICAO.

**Soalan 2 : Pihak kami ingin membuat pembayaran yuran kursus dalam matawang asing, apakah prosedur yang perlu dilakukan?**

Jawapan :

Sila rujuk SPANM BIL. 7/ 2018 Lampiran G: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Melalui Pindahan Telegraf/ *Telegraphic Transfer* (TT).

**Soalan 3 : Bagaimanakah pengiraan amaun kadar pertukaran matawang asing dilakukan?**

Jawapan :

Pihak tuan hendaklah merujuk portal [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my) dan klik “**pertukaran matawang asing**” bagi mengetahui anggaran jumlah pembayaran berdasarkan kadar pertukaran matawang asing yang terkini.